



# **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

## **SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK KEBANGSAAN 2024**

**OLEH:**

**YABHG. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL**

**PADA:**

**24 NOVEMBER 2024**

**TEMPAT:**

**DEWAN TUN RAZAK 4, PUSAT DAGANGAN DUNIA  
(WTC)**



Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera

Terima kasih pengacara majlis, Encik Richard Chai dan Adik Noryusra Alia binti Mohamed Yusof

**SALUTASI  
(AKAN DIKEMUKAKAN KEMUDIAN)**

**1.YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri**

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

**2.YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad**

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

**3.YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Yusoff**

Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

**4.YBrs. Puan Farah Adura binti Hamidi**

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

**5.YBrs. Encik Chua Choon Hwa**

Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

## **6.YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan**

Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

## **7. Saudara Daniel Haqeem bin Darul Hafiz (*Kanak-kanak berusia 17 tahun*)**

Pengerusi Majlis Perwakilan Kanak-Kanak Kebangsaan

Ketua-ketua pengarah, ketua agensi, pegawai-pegawai kanan KPWKM dan agensi, rakan-rakan media, tuan-tuan dan puan-puan, dan seterusnya adik-adik dan anak-anak yang diraikan sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan berkat kurnia-Nya dapat kita sama-sama berkumpul dalam majlis yang penuh bermakna ini. Saya ingin merakamkan rasa bertuah kerana dapat bersama-sama dengan seramai lebih kurang 600 orang kanak-kanak dari seluruh negara meraikan sambutan pada hari ini.
2. Terima kasih kepada YB Nancy Shukri atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk menyempurnakan Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan Tahun 2024.

## **TEMA HARI KANAK-KANAK KEBANGSAAN 2024 “DENGARLAH SUARA KAMI”**

Tuan-tuan dan puan-puan, anak-anak, hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

“Barangsiapa yang tidak mengasihi maka dia tidak akan dikasihi”

Abu Hurairah R.A meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W mengungkapkan pernyataan ini dalam suatu

peristiwa apabila salah seorang sahabat melihat Baginda mencium cucunya Al-Hassan bin Ali dan sahabat tersebut mengatakan, “Sesungguhnya aku mempunyai sepuluh orang anak, tidak pernah aku mencium seorang pun dari mereka.”

3. Perbuatan Rasulullah S.A.W ini merupakan peringatan bahawa kanak-kanak wajib dikasihi dan disayangi. Rasulullah turut bersabda bahawa ada keberkatan jika kita mengusap kepala anak yatim. Tuan-tuan dan puan-puan, anak-anak perlu dipupuk dengan didikan yang betul, berlandaskan nilai-nilai murni dan etika yang positif. Ibu bapa dan orang dewasa perlu sentiasa menunjukkan contoh yang baik.
4. Sepertimana disebutkan oleh YB Nancy Shukri sebentar tadi, “Dengarlah Suara Kami” merupakan tema Sambutan Hari Kanak-Kanak pada tahun ini.
5. Saya dan keluarga diuji apabila YAB Perdana Menteri dimasukkan ke penjara sebelum ini. Anak-anak merupakan teras kekuatan saya dan Dato’ Seri Anwar Ibrahim untuk terus berjuang mendapatkan keadilan.

6. Saya pernah mempersoalkan keupayaan diri saya, namun bila pulang ke rumah, apabila melihat wajah anak-anak yang ketika itu masih kecil, alhamdulillah saya dikuatkan semangat untuk meneruskan usaha yang dilakukan untuk keadilan. Allah tidak akan menguji kita lebih daripada kemampuan kita sendiri. Dengarlah suara anak-anak walaupun mungkin tiada kata-kata yang diucapkan.

## **SITUASI SEMASA PERKEMBANGAN, PEMBANGUNAN DAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK**

Tuan-tuan dan puan-puan, anak-anak, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,

7. Kemajuan teknologi dan perubahan sosial membawa seribu satu peluang dan juga cabaran. Dulu-dulu, kebanyakan ibu merupakan suri rumah sepenuh masa. Perhatian sepenuhnya diberikan untuk mengasuh dan mendidik anak-anak. Sekiranya kedua-dua ibu dan bapa bekerja, mungkin ada saudara-mara atau *extended families* yang boleh membantu.

8. Namun sekarang, kebanyakan kedua-dua ibu bapa bekerja. Anak-anak perlu diantar ke pusat asuhan

ataupun dijaga oleh pembantu rumah. Saudara mara mungkin sukar untuk membantu atas pelbagai faktor yang tidak dapat dielakkan.

9. Oleh itu, saya berharap agar lebih banyak pusat asuhan dapat diwujudkan dan para ibu bapa dapat memainkan peranan masing-masing dalam kesibukan bekerja untuk mendidik dan memantau anak-anak supaya diasuh dan dipupuk dengan nilai-nilai positif dan etika yang betul. Jurang antara generasi atau *Generation Gap* juga perlu difahami oleh kedua-dua ibu bapa dan juga anak-anak untuk memastikan institusi keluarga kekal utuh.

10. Tuan-tuan dan puan-puan, semua pihak mestilah memainkan peranan untuk memastikan kanak-kanak sentiasa dilindungi daripada sebarang bentuk penderaan, pengabaian atau penganiayaan.

11. Kita mesti laporkan segera kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat kes yang berisiko atau situasi yang meragukan. Inilah masa yang betul untuk kita jaga tepi kain orang lain dan juga tepi kain kita sendiri. Kepada ibu bapa atau penjaga, sekiranya ada sebarang masalah, dapatkan bantuan daripada pihak yang berkaitan, jangan tunggu lagi.

# **INISIATIF WHOLE OF GOVERNMENT APPROACH**

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang dihormati sekalian,

12. Kerajaan Perpaduan kini amat menitikberatkan kepentingan kanak-kanak. KPWKM dibawah teraju YB Nancy Shukri telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif bagi memastikan kebajikan kanak-kanak sentiasa terpelihara. Pada hari ini juga kita akan lancarkan Dasar Kanak-Kanak Negara yang baharu. Tahniah dan syabas saya ucapkan.

13. Selain itu, Kementerian Kesihatan juga telah melancarkan Inisiatif Pengukuhan 1,000 Hari Pertama Kehidupan Kanak-kanak khusus untuk memastikan kanak-kanak mendapat nutrisi yang secukupnya seawal 1000 hari pertama.

14. Pada bulan Oktober tahun, Dewan Rakyat telah menempa sejarah meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) 2024 membabitkan kewarganegaraan kanak-kanak. Pindaan ini antara lain memperuntukkan hak sama kepada kanak-kanak yang lahir di luar Persekutuan dengan ibunya pada masa kelahiran itu seorang warganegara untuk memperoleh

kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang, berbanding hanya jika bapanya seorang warganegara.

15. Pembentangan Bajet 2025 juga telah menggariskan banyak inisitif dan bantuan yang secara langsung atau tidak langsung memberi manfaat kepada golongan kanak-kanak.

16. Tuan-tuan dan puan-puan, kita mahu lihat lebih banyak inisiatif berbentuk *children centric* dapat dirangka dan dilaksanakan pada masa hadapan dan saya kira, KPWKM mampu menerajui saranan ini dengan penglibatan dan komitmen lebih banyak kementerian, agensi Kerajaan, NGO-NGO dan juga pihak swasta.

## **PESANAN KEPADA KANAK-KANAK**

Anak-anak yang dihormati dan dikasihi sekalian,

17. Saya ingin menitipkan beberapa pesanan ikhlas dari hati saya:

- i. Pertama, tuntutlah ilmu tidak kira dimana anda berada. Teruskanlah belajar sehingga ke tahap

tertinggi dengan niat untuk menimba ilmu dan memajukan diri;

- ii. Kedua, sayangilah dan berbaktiilah kepada ibu bapa anda sehingga ke akhir hayat mereka kerana ada keberkatan di situ;
- iii. Elakkan daripada terjerumus melakukan aktiviti tidak sihat dan tidak bermoral seperti gejala buli, melayari laman web lucu, merokok atau menghisap vape dan lain-lain; dan
- iv. Akhir sekali, jangan putus asa. Percayalah kepada kemampuan diri anda dan jangan takut untuk meningkatkan potensi masing-masing dalam apa-apa jua bidang yang membawa manfaat kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan juga negara.

## **PENUTUP**

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

18. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan, agensi-agensi kerajaan dan swasta,

NGO-NGO dan semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan majlis sambutan pada kali ini. Terima kasih juga buat semua ibu bapa dan anak-anak yang dapat hadir pada hari ini. Sama-sama kita pupuk kesedaran mengenai pentingnya menjaga kebajikan kanak-kanak di setiap peringkat dan golongan bermula dari keluarga, masyarakat dan juga negara. Di kesempatan ini, saya juga ingin menyeru kepada semua, sama-sama kita mendoakan kesejahteraan rakyat Palestin, khususnya kanak-kanak di sana.

19. Rasulullah S.A.W bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad,

“Bukan daripada (kalangan) kami orang yang tidak menunjukkan perasaan belas kasihan terhadap (anak-anak) kecil kami dan tidak tahu (menunaikan) hak orang-orang tua kami.”

20. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan rasa penuh kesyukuran merasmikan Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan 2024.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

